

MANUSKRIP SEBUYAU DI SARAWAK: SATU TINJAUAN AWAL MANUSKRIP MELAYU DI SAMARAHAN

Azuan Jemat*

Abstrak

Naskah manuskrip Melayu merupakan karya teragung dalam ketamadunan Melayu dengan zaman silih berganti. Ketamadunan Melayu di kepulauan Borneo juga memperlihatkan karya manuskrip menjadi penulisan penting yang merakamkan zaman yang pernah wujud. Catatan manuskrip juga merupakan aspek penting dalam sesebuah ketamadunan dunia dengan istilah scriptorium. Masyarakat yang bertamadun dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dapat dilihat dengan wujudnya tradisi penulisan manuskrip. Kepulauan Borneo termasuk persisir delta barat daya Sarawak pada suatu ketika dahulu pernah berdirinya beberapa penempatan awal orang Melayu sehingga membentuk kerajaan dan negeri Melayu. Wujud catatan awal dalam manuskrip yang telah memberikan pengkisahan mengenai sejarah awal di persisir barat daya Sarawak. Kewujudan manuskrip Melayu bertebaran di seluruh Sarawak dengan status yang sudah didokumentasi dan baru ditemui manuskrip yang baharu. Manuskrip Masahor Sebuyau merupakan sampel manuskrip bertulis yang baharu dijumpai pada abad kini. Manuskrip ini menerangkan pengetahuan tentang keakrifan masyarakat tempatan dari segi ketokohan, kebudayaan, keintelektual ilmu, adat resam dan amalan tradisional. Secara rinci teks manuskrip ini telah memberi gambaran yang luas mengenai pemikiran masyarakat Melayu Sarawak.

Kata Kunci: Manuskrip Melayu dan Ketamadunan Melayu di kepulauan Borneo.

Pengenalan

Kajian ini menelusuri pensejarahan awal "*Manuskrip Sebuyau*" yang menjadi paksi rujukan awal dalam kajian lapangan ini. "*Manuskrip Sebuyau*" merupakan manuskrip yang dimiliki oleh masyarakat Melayu Sarawak yang menjadi pengkisahan awal yang akan menyelusuri pemilik asal manuskrip ini. Berdasarkan manuskrip ini akan diceritakan mengenai asal-usul manuskrip secara tersirat dalam menepati bidang filologi. Disamping itu, beberapa kisah lagenda yang mewarnai kajian kepada "*Manuskrip Sebuyau*" secara

* Penulis bertugas di Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak.

berkait sama ada peristiwa yang berlaku dengan tokoh yang terlibat atau sebaliknya. Intipati "*Manuskrip Sebuyau*" ini juga akan ditelusuri mengikut landasan disiplin ilmiah seperti pensejarahan, Kesusasteraan Melayu, Pengajian Bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu yang merangkumi ilmu budaya.

Permasalahan kajian

Kajian ini dibatasi oleh sumber yang primier yang banyak bergantung kepada manuskrip Melayu yang bertulis jawi atau sumber catatan manuskrip. Kesukaran untuk mendapatkan sumber pertama adalah begitu rumit diperolehi bagaikan mencari sebutir mutiara di dalam lautan. Selain itu, kajian ini mengalami permasalahan dari segi mendapati responden yang kebanyakan telah meninggal dan penceritaan semula hanya dilakukan oleh waris keluarga yang sebahagiannya sudah menjangkau usiawarga emas. Kadangkala penceritaan semula memerlukan responden mengingat semula dan kadangkala penceritaan tidak teratur kerana responden akan menyebut cerita yang hanya diingati dalam ingatan.

Objektif

Terdapat beberapa objektif dalam kajian ini yang menjadi panduan dalam mendasari kajian ini. Antaranya adalah mengenalpasti latarbelakang asal-usul awal yang melibatkan "*Manuskrip Sebuyau*" sebagai karya manuskrip dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak di Sebuyau, Sarawak. Mengenalpasti beberapa stratifikasi masyarakat Melayu Sarawak dengan merujuk kepada masyarakat Melayu di Sebuyau, Kota Samarahan, Sarawak. Mengenalpasti kesusasteraan penceritaan rakyat dalam lagenda atau mitos masyarakat Melayu Sarawak di Sebuyau, Kota Samarahan, Sarawak.

Metedologi Kajian


Beberapa kaedah kajian digunakan dalam kajian ini seperti kajian Keperpustakaan dengan merujuk manuskrip Sebuyau. Sumber ini digunakan sebagai rujukan yang digunakan utama. Manakala penelitian ini juga akan melihat sumber artifak yang dijadikan sumber dan bukti rujukan dalam kajian ini. Selain itu, kaedah tradisi lisan juga digunakan dalam penelitian ini dan kaedah tradisi ini diperolehi melalui temubual responden.

Penemuan Utama

Nashkah asal "*Manuskrip Sebuyau*" telah disimpan oleh pihak Arkib Negara Malaysia Cawangan Sarawak¹ yang juga dikenali manuskrip Sharif Masahor. "*Manuskrip Sebuyau*"


1 Pada peringkat awal, manuskrip ini telah digelar manuskrip Sharif Mashor dan dimiliki oleh pemilik . Manuskrip ini yang telah diserahkan kepada pihak Arkib Negara Cawangan Sarawak dan belum diterbitkan untuk sebarang penerbitan dan masih memerlukan kajian khusus lagi.

merupakan naskhah langka yang menjadi warisan masyarakat Melayu Sarawak. “*Manuskrip Sebuyau*” bersaiz berukuran 7 x 10 cm dengan keadaan kertas yang langka berwarna kuning yang jelas menggambarkan usianya yang lama dimakan zaman. Namun demikian, wujud juga halaman kertas yang hilang cebisan dan mengalami kerosakkan. Jumlah halaman naskhah “*Manuskrip Sebuyau*” ini terdapat 94 halaman muka surat dengan halaman kulit naskhah manuskrip yang dicetak perkataan “*No. 48 Colonial Rough Diary, Scribbling Journal, Giving Half A Page To A Day for 1887*”, selain terdapat cap Kerajaan Brooke dengan Cop yang tertulis “*SEAL OF SIMANGGANG SARAWAK*”. Perkataan yang terdapat pada muka depan ini jelas menggambarkan pengumpulan manuskrip ini dilakukan oleh pemerintahan Residen Simanggang.²



Manakala dimanasetiap teks manuskrip mempunyai 19 baris pada setiap teks manuskrip. Majoriti teks yang lengkap mempunyai 19 baris dan wujud lebih dari 19 baris juga iaitu sebanyak 22 baris pada beberapa halaman. Jumlah helaian manuskrip ini mengikut penyusunan semula adalah sebanyak 94 halaman muka surat dan setiap teks manuskrip mempunyai 19 baris pada setiap teks manuskrip. Majoriti teks yang lengkap mempunyai 19 baris dan wujud lebih dari 19 baris juga iaitu sebanyak 22 baris pada beberapa halaman. Rujuk pada gambar rajah berikut.

3 Rujuk kepada teks asal manuskrip yang terdapat dalam lampiran gambar.



Perbincangan tema ini diteruskan dengan wujudnya sebuah manuskrip Melayu yang di waris oleh mereka yang berketurunan Sharif Mansor merupakan seorang pembesar Melayu-Sarawak di Serikei. Namun demikian, perkara yang menarik dalam perbincangan ini ialah manuskrip tersebut diperolehi bukan di Sarikei tetapi di salah sebuah daerah yang ada di Kota Samarahan iaitu Sebuyau Daerah Asajaya Kota Samarahan. Tidakkah keterlaluan untuk memberi nama manuskrip dengan nama manuskrip Sebuyau sempena tempat ia diperolehi. Selain itu didapati juga manuskrip ini belum diketahui nama tajuknya yang asal. Pada peringkat awal, manuskrip ini telah digelar manuskrip Sharif Mashor dan dimiliki oleh pemilik keturunan beliau. Manuskrip ini telah diserahkan kepada pihak Arkib Negara Cawangan Sarawak dan belum diterbitkan untuk sebarang penerbitan. Pengetahuan tentang tempat manuskrip diperolehi harus diperjelaskan bagi memudahkan pemahaman dalam menilai ikhtisar manuskrip ini.

Kepercayaan penduduk tempatan, Sebuyau merupakan istilah kata dari bahasa orang Melanau iaitu memanggil ketam sebagai Sebuyau.³ Namun demikian, Sebuyau telah wujud sekian lama seperti yang dirakamkan dalam teks manuskrip Silsilah Raja-Raja Berunai.⁴ Sebuyau merupakan kawasan yang terletak dalam Daerah Asajaya Kota Samarahan dan mempunyai kepadatan penduduk yang terdiri dalam kalangan orang Melayu,



3 A. Samad Said, *Kembara di Bumi kenyalang*, Tamar Media Sdn. Bhd., Kuching, 1998, hlm 35.

4 Amin Sweney di dalam terjemah pada manuskrip Silsilah Raja-Raja Berunai yang dikaji oleh beliau telah menggambarkan kewujudan Sebuyau. Kewujudan ini dibuktikan dengan hantaran Upeti Sebuyau ke Berunai seperti dalam teks manuskrip asal telah menyatakan, "... apabila Kalaka ke Berunai, membawa upeti emas dari Melanau serta dibawahnya padi upeti Sebuyau enam ratus/ pasu...", "Ada pun upeti Sebuyau yang enam ratus itulah naik dari Kalaka dan naik dari Sadong dan upeti padi delapan ratus pasuk..." pada halaman 70 dan 71.

orang Iban dan Cina. Gambaran mengenai kawasan Sebuyau ini banyak menggunakan perhatian sendiri yang di lakukan oleh A. Samad Said (Sasterawan Negara) yang bertajuk “*Kembara Di Bumi Kenyalang*” yang diterbitkan pada tahun 1998 kerana belum ada kajian ilmiah yang dilakukan di Sebuyau.⁵ Satu kelebihan yang diperolehi dan berharga nilainya, maklumat yang diperolehi sasterawan negara ini merupakan perhatian beliau sendiri yang berkunjung ke Sebuyau dan mendengar terus dari orang. Sumber maklumat ini amat berharga kerana pengetahuan yang diperolehi daripada sasterawan negara ini merupakan salah satu metodologi dalam bidang ilmiah iaitu wawancara sumber. Kebanyakan sumber maklumat yang diperolehi adalah dalam bentuk tradisional atau sejarah lisan (Oral History).

Individu yang menjadi sumber wawancara ini ialah Syed Othman bin Syed Haji Salim yang berusia 64 tahun. Menurut Syed Othman, di Sebuyau banyak mereka yang berketurunan Syed dan mereka ini disusur galurkan berketurunan Syed daripada Melanau.⁶ Syed Othman juga menerangkan bahawa beliau sendiri adalah dari keturunan nenek moyangnya Syed Mashor. Pada kesempatan ini sasterawan negara sempat merakamkan dalam penulisannya mengenai latar tempat di Sebuyau. Antaranya adalah seperti terdapatnya dua bukit yang terdapat di Sebuyau iaitu Bukit Bulan dan Bukit Bintang. Namun demikian, sasterawan negara turut berkenalan dengan orang besar di Sebuyau yang disegani dan dihormati oleh penduduk tempatan iaitu Temenggong Pangiran Haji Murni bin Pangiran Haji Yahya.⁷ Para penduduk banyak yang mempercayai bahawa pemimpin dan golongan berpengaruh banyak yang menetap di Sebuyau Daerah Asajaya Kota Samarahan.

Pada peringkat kajian awal ini manuskrip Sebuyau ini akan dilihat darisegi kaedah filologi manuskrip. Manuskrip ini menggunakan kertas sebagai medium penulisan dan dipercayai kertas yang sudah semestinya wujud pengaruh Arab atau islamisasi dalam penggunaan kertas.⁸ Semasa manuskrip dijumpai secara fizikal terdapat juga kerosakkan pada manuskrip samaada rosak setengah teks manuskrip atau rosak pada bahagian tertentu yang hilang. Kesan daripada kerosakkan ini, terdapat beberapa halaman manuskrip yang tidak dapat ditranliterasi dengan lengkap. Rujuk gambar rajah di bawah.



Teks yang rosak pada Teks yang lengkap
teks yang rosak hilang pada bahagian tertentu
pada bahagian tertentu

5 A. Samad Said, *Kembara di Bumi kenyalang*, hlm 35.


6 Ibid, hlm. 34.

7 Ibid, hlm. 36.

8 Wan Ali Wan Mamat, *Penyediaan Halaman Kertas untuk Penulisan Manuskrip Melayu*, “Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1997. hlm227.

Namun demikian wujud juga halaman teks manuskrip ini yang tidak dapat dibaca tulisan jawi kerana tidak jelas dan tulisan pada huruf tersebut telah pecah atau sukar untuk ditentukan hurufnya. Menuskrip ini sejak diperolehi oleh pihak Arkib telah melakukan pemuliharaan tetapi tidak mengikut susunan yang sepatutnya. Susunan yang asalnya telah berubah. Tranliterasi harus dilakukan untuk mencari padanan pada isi kandungan dan kemudiannya disusun semula mengikut penceritaan. Pada manuskrip ini juga tidak dicatatkan halaman muka surat seperti lazim tidak penulisan manuskrip yang tidak diletakan nombor halaman muka surat. Pada manuskrip ini juga tidak dicatatkan halaman muka surat dan tulisan yang digunakan pada manuskrip ini ialah huruf jawi dengan tulisan tangan.

Tulisan yang digunakan pada manuskrip ini ialah huruf jawi dengan tulisan tangan. Buktinya manuskrip ini ditulis dengan tulisan tangan dengan wujudnya catatan pada tepi teks dan kesalahan penulisan akan diconteng. Kesemua ini memperlihatkan bahawa manuskrip ini merupakan penulisan seseorang individu samaada dikarang atau berlakunya penyalinan semula. Merujuk kepada teks asal manuskrip terdapat kesalahan tulisan dan catatan tepi pada teks dapat dilihat pada gambarajah berikut. Catatan tepi teks asal manuskrip telah menjadi rujukan kepada pembaca teks manuskrip samaada semasa menulis mahupun menyalin semula manuskrip ini.



Kesalahan tulisan

Catatan pada teks manuskrip

Pada teks manuskrip ini juga dilihat tahap kemahiran yang tinggi semasa berlakunya penulisan manuskrip ini. Tulisan pada teks ini banyak ditulis dengan kemas dan seolah-olah wujud garisan tersembunyi pada setiap baris yang lurus. Sudah tentu wujudnya teknik yang telah digunakan dalam membuat garisan pada setiap baris tanpa merosakkan penulisan baris pada setiap halaman manuskrip. Kemungkinan wujudnya penggunaan sejenis alat yang disebut “Mistar”.⁹ Selain itu wujud juga halaman teks ini yang berbentuk bingkai untuk

9 Mistar merupakan salah satu lagi cara untuk mencipta baris pada halaman kertas dalam tradisi penulisan Arab. Mistar adalah satu bingkai segi empat tepat yang diperbuat daripada benang, dilekatkan pada permukaan kertas tebal atau kayu. Didalam bingkai tersebut akan diregangkan sebarisan susunan tali yang selari diantara satu sama lain. Apabila halaman kertas itu ingin digaris untuk tujuan penulisan, mistar tersebut akan diletakkan dibawah halaman kertas. Kemudiannya kertas akan ditekan dengan papan dan sebagainya sehingga mewujudkan kesan baris pada kertas. Selain itu, wujud juga cara menggunakan mal dalam menghasilkan garisan pada teks manuskrip. Mal merupakan suatu alat yang dihasilkan dengan merengangkan beberapa tali pada kepala meja tulisan. Apabila sesuatu halaman kertas itu ingin ditandai dengan garisan, kertas berkenaan akan diletak dibawah susunan tali berkenaan. Sebelum itu, tali-tali tersebut dibasahkan dengan larutan tawas. Seterusnya tali tersebut ditekan dengan tapak tangan papan sehingga meninggalkan kesan garisan sementara pada kertas.

membantu penulisan yang tersusun rapi disamping berfungsi sebagai hiasan. Bingkai yang dihasilkan telah menciptakan ruang sisinya pada manuskrip ini. Pada halaman beberapa teks manuskrip ini terdapat beberapa sisi, dalam, luar, atas dan bawah. Kemahiran yang tinggi juga memperlihatkan apabila terdapat huruf dalam teks manuskrip ini ditulis dengan tulisan berwarna. Warna merah kebiasaanya yang digunakan dalam penulisan teks manuskrip ini selain dakwat warna hitam. Disini jelas memperlihatkan golongan masyarakat pengarang dahulu begitu kreatif dan mempunyai daya kesenian yang tinggi dalam penulisan teks manuskrip. Rujuk gambar rajah dibawah.



Penggunaan bingkai dan Ruang
Sisi pada teks manuskrip



penggunaan dakwat merah pada
teks manuskrip

Penggunaan dialek Melayu Sarawak terdapat pada manuskrip ini dan dialek ini menjadi istilah perkataan yang mewarnai kata pada manuskrip ini. Kajian pada intipati teks manuskrip ini pula dapat dirumuskan melalui tulisan dan bahasa yang digunakan. Selain bahasa Melayu wujud juga penggunaa bahasa Arab pada teks manuskrip ini. Teks manuskrip ini juga banyak menyebut nama nabi dalam islam seperti nabi Yusuf dalam mentafsir mimpi. Penggunaan bahasa Arab dalam teks manuskrip ini seolah-olah menyatakan tentang ilmu keagamaan seperti manuskrip Aqa'id Al-nasafi. Namun demikian, perbezaan pada manuskrip ini tidak dinyatakan penterjemahannya seperti dalam manuskrip Aqa'id Al-nasafi. Selain itu, wujud juga pada halaman teks manuskrip ini berasal dari bahasa arab kuno iaitu bahasa Saryani. Bahasa Saryani merupakan bahasa yang telah hilang dan banyak menggunakan huruf tertentu sebagai simbol dan pelambangan. Pada manuskrip ini terdapat lambang wafak yang mengandungi pelbagai ilmu hikmah.

Selain itu kandungan isi teks ini juga menyerupai manuskrip 331: petua Melayu yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia.¹⁰ Manuskrip ini telah menampilkan beberapa jenis petua Melayu sebagai isi kandungan intipati. Kitab petua manuskrip 331 dimana terkandung di dalam manuskrip ini 32 halaman. Manuskrip ini mengandungi pelbagai jenis petua yang boleh dikelompokkan kepada lima jenis utama iaitu petua mendirikan rumah,

10 Rogayah A. Hamid dan Mariam Salim, *Kepustakaan Ilmu Tradisional*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 42.

petua menamakan bayi, petua tentang cuaca, petua ilmu kebal dan horoskop atau ilmu falak cakrawala kaji bintang. Lima jenis petua ini sebahagian besarnya dijadikan sebagai petua mendirikan rumah bagi orang Melayu pada dahulu. Manuskrip Sebuyau telah dibahagikan kepada beberapa bahagian penting seperti amalan mendirikan rumah, tolak bala, rahsia anggota badan manusia, penyakit, perubatan, takbir rahsia mimpi, rahsia hari dan bulan dan ilmu Rajang kaji bintang atau ilmu falak. Kesemua tema ini menjadi satu pengisahan dalam penceritaan manuskrip ini. Selain itu, wujud juga cara perlantikan pemimpin yang dinyatakan dalam manuskrip ini.

Mukasurat 40.¹¹

B1 buang ... jikalau sama maka dilihat pada ilmunya barang siap ilmu

B2 menang jikalau sama ilmunya dilihat pada tuahnya barang siapa tuah itulah menang jika


B3 samatuanya lihat pada bangsanya barang siapa siapa berbangsa¹² itulah menang jika sama

B4 berbangsa lihat pula pakaiannya barang siapa pakaian yang bagus itulah menang ...

Pensejarahan manuskrip “*Manuskrip Sebuyau*” telah ditelusuri bermula dengan tempat asal usulnya iaitu Sebuyau. Satu salinan naskhah manuskrip ini telah dibuat salinan dan dijadikan rujukan serta dibawa sekali untuk di minta penjelasan dari waris keturunan Sharif Masahor. Responden yang terlibat ini dipilih dari dalam kalangan keturunan Sharif Masahor sendiri. Setelah ditemui dan ditunjuk akan naskhah “*Manuskrip Sebuyau*”, kepada responden untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Responde tersebut ialah Wan Said Bin Tengku Mat yang dilahirkan pada 1926 dengan usia mencecah umur 89 tahun. Setelah dijelaskan perolehan manuskrip ini dari pihak Arkib untuk membongkor kisah awal “*manuskrip Sebuyau*” ini oleh waris keturunan yang ditemuramah. Pada mulanya, beliau terkejut dan merasakan bagai tidak percaya boleh melihat naskhah manuskrip tersebut. Memang pada suatu masa yang lepas pihak Arkib pernah mengunjung beliau dan beliau tidak mengingati bila tarikhnya. Setelah meneliti manuskrip Sebuyau ini ulasan yang diberikan oleh beliau seperti berikut. Manuskrip tidak dapat dijelaskan tajuknya kerana manuskrip ini mirip beberapa naskhah manuskrip yang lain kerana di dalam manuskrip ini terdapatnya ilmu kitab Tajul Muluk, Kitab Senjata Hikmah, kitab Mujarabab, ilmu raksi bintang, ilmu takbir mimpi dan amalan orang besar-besar. Namun demikian, Manuskrip ini dilihat bertulis tangan seolah-olah disalin dan dikarang semula. Oleh hal yang demikian, maka sedikit bahagian dari beberapa kitab manuskrip diambil dan disusun dalam naskhah “*Manuskrip Sebuyau*”.

-
- 11 Wujud sistem perlantikan pemimpin Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu yang dilihat dari asal usul Keturunan seseorang samaada golongan bangsawan iaitu diraja atau orang besar-besar, Selain itu, dinilai juga dari ilmu pengetahuan yang dimiliki yang sangat penting untuk dihormati. Kemudian dinilai dengan pakaian bermaksud kemampuan seseorang. Pada masa dahulu hanya golongan atasan memiliki kemampuan untuk pakaian yang melambangkan status kerana golongan ini banyak yang cerdik pandai berpengetahuan dalam urusan perdagangan.
 - 12 Berbangsa merupakan dialek bahasa melayu Sarawak yang membawa maksud “keturunan” dan kebiasaanya merujuk kepada mereka yang berdarah diraja atau bangsawan.

Berikut merupakan manuskrip (*Kitab Senjata Hikmah dan Mujarab Melayu*) yang dimiliki oleh Wan Said yang diperolehi semasa kajian lapangan di Sebuyau, Kota Samarahan, Sarawak.



Selain itu, perkaitan manuskrip ini dengan Sharif Masahor serta dimiliki waris keturunannya juga diulas serba sedikit. Cerita ini diceritakan oleh moyang Wan Said yang bernama Tengku Bagus¹³ yang merupakan adik beradik kepada Sharif Masahor.¹⁴ Penceritaan ini diceritakan untuk diingati oleh anak cucu keturunan ini sebagai taladan dan pengajaran. Sewaktu Sharif Masahor dibuang negeri oleh James Brooke segala barangan milik peninggalan Sharif Masahor telah dirampas. Namun demikian, waris keturunan ini tidak mengatakan Sharif Masahor di buang negeri tetapi di tipu helah supaya keluar dari jajahan penguasaannya kerana takut akan pengaruhnya yang kuat dalam kalangan bukan orang Melayu seperti Iban dan Bidayuh.

Bagi waris keturunan ini mereka tidak mengakui bahawa Sharif Masahor sebagai pemberontak seperti yang dicatat dalam buku sejarah tetapi merupakan pejuang Melayu yang ditafsirkan mencetuskan pemberontakan pada pandangan James Brooke. Pada mulanya, Sharif Masahor merupakan orang yang dipercayai mempunyai banyak ilmu sehingga mengangkat beliau sebagai pemimpin orang Melayu. Hal ini jelas memperlihatkan perkaitan manuskrip Sebuyau yang terkandung didalamnya pelbagai ilmu pengetahuan. Hal ini kerana, dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh Sharif Masahor mampu “*di pake mengalus orang di ulu sungai*”. Maksudnya, mampu menundukkan orang Iban di sungai kerana pada masa dahulu, orang Iban ini suka berbunguh dan melakukan “*ngayau*” (bertetak palak).¹⁵

Kehebatan Sharif Masahor dapat dilihat apabila beliau menguasai kawasan Sarike dan semua masyarakat mengakui pertuanan Sharif Masahor. Waris keturunan ini mempercayai wujudnya hasutan yang meragui dan menakut tentang penguasaan Sharif Masahor di Mukah. Kekuasaan Sharif Masahor dilihat apabila menguasai Mukah dari kakaknya Sharifah Zubaidah sebagai pembesar di Mukah. Sharif Masahor berjaya memujuk

13 Bagi mengenang ketokohan Tengku Bagus ini, namanya telah diabdikan kepada nama sebuah sekolah rendah di Sebuyau iaitu Sk Tengku Bagus Sebuyau.

14 Perkara ini akan dijelaskan dalam bahagian seterusnya dalam salasilah Sharif Masahor.

15 Bertetak palak adalah bahawa melayu Sarawak yang merujuk kepada aktiviti, “mengayau” memburu kepala atau memotong kepala orang. Aktiviti ini pernah dihapuskan oleh semasa era pemerintahan James Brooke.

Sharifah Zubaidah untuk menguasai Mukah dan akhirnya Sharif Masahor dipanggil balik ke Brunei. Ekoran ini waris keturunan ini mempercayai Sharif Masahor dihantar keluar untuk mengurangkan kekuasaan Sharif Masahor yang semakin berpengaruh tetapi wujud juga elemen memberontak yang dilakukan oleh Sharif Masahor semasa mendapatkan Mukah enggan tunduk sepenuhnya kepada James Brooke sebaliknya ingin melaksanakan pemerintahan sendiri di kawasan jajahan kuasanya.

Keberadaan manuskrip ini pada waris keturunan ini dapat dilihat dari adik kepada Sharif Masahor iaitu Tengku Bagus pembesar di Sebuyau. Salasilah keturunan dari sebelah Tengku Bagus inilah yang memiliki naskhah manuskrip Sebuyau ini. Manuskrip Sebuyau ini telah dikesan dari Tengku Bagus sehingga kepada waris keturunan Wan Said Tengku Mad. Hal ini kerana, Sharif Masahor tidak pernah berkahwin dan tidak mempunyai anak dari waris keturunannya sendiri. Namun demikian, menurut Wan Said, Sharif Masahor pernah bernikah di Rajang dan dikatakan mempunyai anak di Rajang tetapi tidak pernah berjumpa dan dipastikan khabaran ini.¹⁶ Namun demikian, kenyataan ini disokong dengan wujudnya manuskrip Silsilah Melanau Igan dari Sharif Masahor.¹⁷ Sudah menjadi kebiasaan, golongan ini akan bernikah dengan wanita di kawasan lain terutama wanita dari etnik lain sebagai salah satu cara “*di pake mengalus orang di ulu*” yang dilihat sebagai diplomasi dan selain berdakwah menyebarkan islam kerana golongan Sharif/ Syeid ini merupakan berdarah mulia atau golongan agamawan.¹⁸

Salasilah Sharif Masahor disusun galurkan bermula dari Sharif Masahor serta kekerabatan kekeluargaannya. Sharif Masahor mempunyai adik beradiknya dan Sharif Masahor merupakan anak yang kedua tua dari empat orang adik beradik. Adik beradik tua Sharif Masahor adalah kakaknya Sharifah Zubaidah, kemudian Sharif Masahor, kemudian Tengku Bagus dan Tengku Ismail. Tengku Bagus dan Tengku Ismail nama yang diubah dan nama sebenarnya adalah Sharif Bagus dan Sharif Ismail. Pertukaran nama ini sangat signifikan kerana nama “*Sharif*” ini dikaitkan dengan orang yang mudah memberontak. Penggunaan nama “*Tengku*” digunakan menggantikan nama “*Sharif*”. Adakah pertukaran nama ini juga berlaku kepada Sharif Masahor sewaktu dibuang negeri?¹⁹ Sharifah Zubaidah merupakan penguasa di Mukah, Sharif Masahor di Serikei, Tengku Bagus di Sebuyau dan Tengku Ismail di Kabong.

Salasilah Tengku Bagus telah disusurgalurkan dari Tengku Bagus beranakan Tengku Haji Ali²⁰ beranakan Tengku Hussin beranakan Sharifah Fatimah yang berkahwin dengan Wan Said anak kepada Tengku Mad anak kepada Tengku Omar yang juga merupakan bertunggal (Sepupu) kepada Sharif Masahor. Salasilah memperlihatkan beberapa generasi yang diturunkan sejak dari generasi Sharif Masahor terdapat 7 generasi sehingga sekarang

16 Wan Ariffin bin Wan Yon, “Masyarakat Arab Hadrami di Sarawak: Historiografi Islam melalui Kajian Silsilah” Kertas Kerja Seminar Menyingkap Sejarah Islam di Sarawak, Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, 04 Ogos 2018, hlm.5.

17 Rujuk kepada keturunan Sharif Masahor sebelah Melanau Igan iaitu, merujuk kepada Hj. Hamzah Dong.

18 Wan Ariffin bin Wan Yon, “Masyarakat Arab Hadrami di Sarawak: Historiografi Islam melalui Kajian Silsilah”, hlm, 2.

19 Merujukan kepada artikel, adakah Sharif Masahor itu Syeid Masahor yang pernah direncanakan oleh Prof. Madya Datu Sanib didalam Sarawak Muzium Jurnal dan Ahmad Farhan Abdullah didalam Koforansi Antar Borneo Kalimantan7 (KABOKA 7), “Sharif Masahor atau Syeid Mansur” satu jawaban.

20 Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Kaum, Konsul Pegawai Daerah di Simanggang.

bersamaan 175 tahun. Jika dikembalikan 175 tahun itu bersamaan tahun 1839. Gambaran kuantitatif ini menjelaskan pemilikan manuskrip Sebuyau ini dari kerabat Keluarga Sharif Masahor bertetapan dengan ruang waktu sejarah ketokohan Sharif Masahor.

Stratifikasi masyarakat di Sebuyau adalah mejoriti didiami oleh kaum kerabat mereka yang berketurunan Sharif/Syeid. Nama gelaran "*Sharif/Syeid*" ini merujuk kepada keturunan namun demikian gelaran ini lebih kepada "*gelaran kerja*" atau "*pangkat kerja*" dimana mereka yang memakai gelaran ini akan mengetahui kerja dan peranan mereka dalam kelompok masyarakat.²¹ Oleh hal yang demikian sama lah untuk membezakan istilah "*besa tua miakmuda*". Maksudnya yang lebih tua memainkan peranan yang penting dalam kalangan masyarakat dan memimpin yang muda. Maka wujudlah pertukaran gelaran nama. Pada usia muda namanya gelarannya "*Sharifah, Syeid, Wan*" akan ditukar kepada "*Tuanku, Tuanku Syeiddan Tengku*" bila berusia. Perkara ini bertujuan untuk membezakan kerja, peranan yang akan dipikul, semakin berusia maka makin dihormatilah dalam kalangan masyarakatnya.²² Namun demikian, pada masa kini pertukaran gelaran nama ini tidak dapat dilakukan kerana wujudnya kad Pengenalan dan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian.

Selain itu wujud juga adat memperturunkan keturunan yang dilihat sangat penting dalam warisan keluarga. Keturunan ini akan diturunkan dari laki-laki tidak mengikut benih perempuan. Jikalau perempuan berketurunan Sharif/Syeid bergelar Sharifah tidak dapat menurunkan keturunan jika berkahwin dengan laki-laki kebanyakan (rakyat biasa). Tetapi jika laki-laki berketurunan Sharif/Syeid boleh menurunkan keturunannya walaupun bernikah dengan perempuan kebanyakan. Penurunan keturunan ini dari benih laki-laki juga dilihat sangat kuat seperti lelaki berbangsa Wan berkahwin dengan Dayang maka akan diikuti sebelah bapanya; anaknya akan digelar nama "*Wan*" untuk laki-laki dan "*Sharifah*" untuk perempuan. Manakala jika lelaki berbangsa "*Awang*" berkahwin dengan "*Sharifah*" maka akan diikuti sebelah bapanyajuga; anaknya nanti akan memakai gelaran nama "*Awang*" untuk laki-laki dan "*Dayang*" untuk perempuan.

Stratifikasi sosial ini juga akan menjelaskan peranan golongan ini dalam kalangan masyarakat pada masa dahulu. Golongan ini memainkan peranan sebagai pemimpin yang disegani oleh kawan dan lawan kerana pangkat darjat dan keturunannya. Hal ini dapat dibuktikan apabila wujudnya perlantikan Penghulu Kampung dalam kalangan orang berbangsa. Pada peringkat awal Penghulu Kampung di Sebuyau telah dilantik anak Tengku Bagus iaitu Tengku Haji Ali, kemudiannya dilantik Tuanku Haji Alik dan Penghulu Tengku Kanor. Penghulu Tengku Kanor merupakan penghulu terakhir yang dilantik dalam kalangan golongan berbangsa. Selepas itu terdapat juga penghulu yang telah dilantik dalam kalangan orang kebanyakan seperti Penghulu Adam. Jika merujuk kepada manuskrip Sebuyau wujud juga dalam cara perlantikan pemimpin masyarakat seperti di nyatakan pada awal penulisan ini.

Aliran kuasa kepimpinan ini dapat dilihat perbezaannya dari dulu dengan sekarang. Ketua Kampung bertanggungjawab kepada Tok Penghulu pula bertanggungjawab kepada Penghulu pula bertanggungjawab kepada Pemancha dan bertanggungjawab pula kepada Temanggong. Pada dahulu nya hanya pada setakat Penghulu sebagai stratifikasi

21 Merujuk kepada temuramah bersama wan said di Kampung Sebuyau Kota Samarahan.

22 Begitu juga mereka yang berketurunan Awang pada usia mudanya akan ditukar kepada Pangeran bila berusia. Gelaran nama Awang dan Pangeran ini kebiasaannya merujuk kepada keturunan kekerabatan diraja/ sultan.

sosial tertinggi. Penambahan jawatan Pemancha dan Temenggong telah diwujudkan pada zaman pemerintahan James Brooke di Sarawak. Pada masa kini golongan ini tidak lagi memainkan peranan sebagai pemimpin dalam kalangan masyarakat malahan dikenangkan sebagai golongan berbangsa sahaja dalam kalangan masyarakat.

Sharif Masahor juga bukan sahaja meninggalkan namanya dalam catatan sejarah malah meninggalkan bukti artifak yang mengukuhkan ketokohan Sharif Masahor sebagai lagenda di Sebuyau. Meriam sangat signifikan dalam menelusuri sejarah Sharif Masahor dalam lipatan sejarah Sarawak. Pada masa dahulu meriam merupakan lambang jajahan takluk yang dikuasai. Kisah meriam ini sangat terkenal sehingga mengaitkan Sharif Masahor dan keturunannya. Meriam Bujang Sambung namanya yang juga pernah digunakan oleh Sharif Masahor berperang seperti di dalam gambarnya Sharif Masahor dengan Meriam Bujang Sambung di kakinya. Meriam Bujang Sambung ini mempunyai beberapa adik-beradik yang dibuat daripada besi tetapi berbeza dengan Bujang Sambung yang dibuat setengah dari tembaga kuning dan setengah lagi dari besi. Berat Meriam Bujang Sambung ini 7 ½ pikul dan tertulis di atasnya wafak Nabi Sulaiman serta tulisan ayat Kursi. Kesemua meriam ini dibuat di Brunei dan dihantar di semua jajahan takluk di Sarawak seperti berikut; Meriam Sarikei di Batang Rajang, Spaoh di Betong, Samarahan di Muara Tuang, Gunung Santubong, Semunjan, Lingga dan Sri Aman.



Meriam Bujang Sambung

Simbol wafak Nabi
Sulaiman



Tapak asal letaknya *Meriam Bujang Sambung* ini telah dialih dan sebenarnya berada di Muara Sungai yang menghadap ke laut kerana Sebuyau menghadap Laut China Selatan. Hal ini dipercayai sebagai langkah bersiap siaga jika diserang musuh dan menjadi benteng pertahanan. Dikatakan juga *Meriam Bujang Sambung* ini pernah menjadi tongkat kepada Sharif Masahor. Selain itu, wujud juga mitos berkaitan dengan *Meriam Bujang Sambung* ini. Hanya keturunan kekeluargaan Sharif Masahor sahaja yang dapat mengangkat meriam ini. Oleh hal itulah, beberapa keajaiban dan mistik yang dikaitkan dengan meriam ini sehingga sukar untuk dinilai pada masa kini. Kehebatan *Meriam Bujang Sambung* ini juga dikaitkan dengan pemilik asalnya iaitu pahlawan Melayu Sarawak iaitu Sharif Masahor. Namun

perkaitan Meriam ini Sharif Masahor tidak berhenti ketika beliau dibuang negeri malah diteruskan legitasi *Meriam Bujang Sambung* ini oleh Adik Sharif Masahor iaitu Tengku Bagus. Melalui waris keturunan Tengku Bagus inilah yang menjaga dan memelihara *Meriam Bujang Sambung* ini.

Pada ketika *Meriam Bujang Sambung* didalam pemeliharaan Tengku Bagus, *Meriam Bujang Sambung* pernah menjadi “*Berian*” kepada Tengku Bagus. Berian ini bermakna barang hantaran yang dihantar kepada bakal pengantin perempuan.²³ Tengku Bagus telah melamar dan menikahi perempuan dalam kalangan orang Melanau iaitu Dang Kesah. Sebagai tanda hantaran dan waris cucu Dang Kesah ini ialah *Meriam Bujang Sambung*. Selain itu, *Meriam Bujang Sambung* ini jugalah sebagai tanda peringatan kepada ketokohan Sharif Masahor. Sehingga pada masa sekarang *Meriam Bujang Sambung* ini dipelihara oleh waris tua dalam keluarga keturunan Tengku Bagus.

Kesimpulan

Rumusnya dalam memperkatakan bidang manuskrip Melayu cukup luas dan mendalam. Usaha mempergiatkan jumlah manuskrip Melayu terutamanya di Sarawak harus digalakkan dan memperbanyakkan kajian untuk memelihara khazanah ilmu yang terkandung dalam manuskrip Melayu. Merujuk kepada persisir delta sungai Sarawak, masih terdapat manuskrip Melayu yang dalam simpanan tertentu di perkampungan Melayu Sarawak. Hasil usaha ini dapat menjamin kesinambungan generasi yang akan datang dalam mengetahui dan mempelajari ilmu yang terkandung dalam manuskrip Melayu. “*Manuskrip Sebuyau*” merupakan sebuah naskhah manuskrip yang tidak ternilai harganya kerana didalamnya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak khususnya di Sebuyau Kota Samarahan. “*Manuskrip Sebuyau*” ini juga sangat berkait dengan tokoh pahlawan di Sarawak iaitu Sharif Masahor.

Ketokohan ini dikaitkan memiliki ilmu yang tinggi sehingga dipandang mulia oleh masyarakat. Latar belakang asal-usul “*Manuskrip Sebuyau*” juga dilihat pemilikannya dari keturunan Sharif Masahor. Selain itu, stratifikasi sosial golongan ini juga sangat penting dan melihat susurgalurnya dan perkaitannya. Salasilah keturunan Sharif Masahor juga diperjelaskan sehingga kisah beliau dibuang keluar negeri Sarawak. Ketiada Sharif Masahir yang dibuang negeri bukan sahaja meninggalkan namanya malah meninggalkan bukti aktifak agar dapat merasai kewujudannya dan menggambarkan zamannya. Kewujudan *Meriam Bujang Sambung* jelas memperlihatkan ketokohan Sharif Masahor kerana menjadi bukti peringatan penting kepada keturunan warisnya. Kesemua ini bertitik tolak dari penyelidikan dan penelitian dari sebuah naskah manuskrip yang menjadi pensejarahan, kesusasteraan (cerita rakyat), dan ilmu budaya dari naskhah manuskrip “*Manuskrip Sebuyau*”.

23 Merujuk kepada temuramah bersama wan said di Kampung Sebuyau Kota Samarahan.

Bibliografi

Sumber Manuskrip.

Manuskrip Sharif Masahor, Arkib Negara Malaysia Cawangan Sarawak, Bangunan Sultan Iskandar Simpang Tiga , Kuching Sarawak.

Tesis Sarjana/ Latihan Ilmiah.

Sanib Said, Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam Dengan Temenggong Kadir Negeri Saribas, Thesis PhD, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Falkuti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2013.

Sanib Said, Anti-Cession Movement, 1946 to 1951 : The Birth of Nationalisme In Sarawak, Tesis B. A, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur: 1976.

Sumber Sekunder

Abang Ishar Ay, Sejarah Kesultanan Melayu di Kalimantan Barat, Indonesia: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Pontianak, 2015.

Abu Hassan Sham, Langkah-langkah Memasyarakatkan Manuskrip Melayu, “Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu”, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997.

Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Sultan Tengah, Sultan Pertama dan Terakhir, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, 1995.

A. Samad Said (Sasterawan Negera), “Kembara Di Bumi Kenyalang”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Harrison Tom, The Malays of South-West Sarawak before Malaysia, London: MacMillan 1970.

Lockard, Craig, From Kampung to City: A Social History of Kuching Malaysia 1820-1970. Ohio University Center for International Studies: Center for Southeast Asian Studies, 1987.

Lee Yong Leng, Penduduk dan Penempatan di Sarawak, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1981.

Muhammad Rakawi Yusuf, Hikayat Sarawak, (Ditransliterasikan dan pengenalan oleh Nordie Achi), Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya 2009.

Mohammad Tahir Abdul Ghani, Hikayat Datuk Merpati, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989.

Pertubuhan Majlis Syura Ukhuwah Ansab Ahlul Bayt Sarawak (ANSAB), Islam Di Sarawak Wawasan Islam Dalam Riwayat Dan Sumber Tempatan, Sarawak: Sanggar Bitara Karang Mengarang, 2017.

R.H.W. Reece and P.L. Thomas, Hikayat Panglima Nikosa, Singapura: Persatuan Kesusasteraan Sarawak, 1983.

Sanib Said, Melayu Sarawak: Sejarah yang Hilang, Kota Samarahan Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak, 2013.

Sanib Said, Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy, Singapore: Oxford University Press, 1991.

Sulaiman Husaini, Samarahan, Perkampungan terpencil ke desa ilmu, Kota Samarahan Sarawak: Penerbitan Sarawak Press Sdn. Bhd dan Pejabat Residen Bahagian Samarahan, 2008.

Wan Ali Wan Mamat, Penyediaan Halaman Kertas untuk Penulisan Manuskrip Melayu, "Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu, , Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia 1997.

Jurnal/ Artikel / Kertas kerja Seminar

Awang Azman Awang Pawi, Orientalis & Manuskrip Melayu di Eropah, Dewan Sastera Jun 2013.

Awang Azman Awang Pawi, Orientalis & Manuskrip Melayu di Eropah, Dewan Sastera Julai 2013.

Awang Azman Awang Pawi, Transformasi social dalam magnum opus Borneo: Teks dan Konteks, SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu Antarabangsa, 2010

Mohammed Yusof Shibli, "The descent of Some Kuching Malays", Sarawak Museum Journal, Vol. V. No.2 (News Series) No.17. (Old Series), September 1950.

Ib Larsen, 2012, The First Sultan of Sarawak and His Links to Brunei and the Sambas Dynasty, 1599-1826: A Little-known Pre-Brooke History, Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Volume 85 part 2 No. 303.

Pehin Sri Jamil Al-Sufri, Sultan Tengah, Sarawak: Yayasan Budaya Melayu.

- Suffian Mansor. 2008, “ Sejarah Golongan Perabangan Zaman Pemerintahan Keluarga Brooke dan Koloni British, 1840-1963, PURBA: Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bil. 27, 2008.
- Sanib Said. 1980. “Melayu Di Bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu’. Sarawak Museum Journal. Vol. XL, No.61 (New Series). Part II.
- Sanib Said. 2011, “Sarawak Sebelum Brunei dan Brooke: 5 Negeri Melayu Yang Hilang”, Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak.
- Tom Harisson, 1949, “Gold and Indian Influences in West Borneo”, Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, XXII.
- Wan Ariffin bin Wan Yon, “Masyarakat Arab Hadrami di Sarawak: Historiografi Islam melalui Kajian Silsilah” Kertas Kerja Seminar Menyingkap Sejarah Islam di Sarawak, Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, 04 Ogos 2018.

Bahan Tidak Diterbitkan

“Salasilah Al-Qadrie milik keluarga Wan Dahlan Bin Tengku Amit”